

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN FORUM PEMBENTUKAN INSTITUSI KELUARGA BAHAGIA  
MENJELANG ALAF BARU  
Lokasi : DEWAN MUKTAMAR, PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 29-08-1998

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir di majlis perasmian forum anjuran bersama; Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada pagi ini.

2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak penganjur kerana mengadakan forum yang besar ertinya ini kepada kita semua, khususnya kaum wanita. Kita baru sahaja menyambut hari wanita sedunia, pada 25 Ogos 1998 yang bertemakan : "Wanita Cergas dan Gaya Hidup Sihat". Forum pada pagi ini pula bertemakan : " Pembentukan Institusi Keluarga Bahagia Menjelang Alaf Baru ". Pada hemat saya, kedua-dua tema tersebut berhubungkait rapat antara satu sama lain dan sangat sesuai dihayati oleh semua lapisan masyarakat masakini dan pada masa hadapan.

3. Dalam era perubahan dunia masakini dan pembangunan pesat negara kita, penglibatan wanita dalam pelbagai bidang adalah penting. Tetapi, untuk memastikan institusi keluarga terus kukuh dan berfungsi sebagai sebuah markas pembinaan generasi cemerlang, adalah penting dan perlu keluarga diberi perhatian utama. Lebih-lebih lagi apabila kita sedang melangkah ke arah sebuah negara maju, kita berhadapan dengan berbagai masalah dan cabaran. Bukan sahaja kegawatan ekonomi, tetapi juga, kegawatan sosial dan akidah yang sangat membimbangkan.

4. Saya tidak berhajat untuk menyebut satu persatu masalah atau gejala sosial yang menggugat kesejahteraan institusi keluarga, bangsa dan negara kita, kerana saya yakin dan percaya kita semua maklum. Apa yang lebih penting pada pendapat saya ialah tindakan bagi menangani masalah dan kegawatan yang sedang dan akan kita hadapi.

5. Pembentukan institusi keluarga bahagia adalah penting, kerana keluarga adalah pusat latihan kemahiran hidup, pendidikan dan pembinaan nilai-nilai murni, agama dan budaya yang utama bagi setiap anak yang dilahirkan.

Dalam hal ini Nabi Muhammad s.a.w. ada bersabda yang bermaksud : setiap bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah, suci murni, kedua ibu bapanya yang bertanggungjawab mencorakkannya sama ada menjadikannya yahudi atau nasrani ataupun majusi.

6. Berasaskan kepada hadith ini, saya berpendapat untuk memastikan generasi muda kita bebas daripada perangkap gejala sosial dan untuk membina sahsiah yang cemerlang, merupakan tanggungjawab utama ibu bapa dalam institusi keluarga. Anak-anak memerlukan tunjuk ajar, perhatian, kasih sayang dan bimbingan yang berterusan.

Ibu bapa perlu menjadi "Role model" untuk dicontohi. Tetapi, bagaimana kalau Ibu bapa dan rumah tangga bermasalah, porak peranda, tidak stabil dan tidak harmoni? Sudah tentu anak-anak dalam keadaan serba salah, psikologinya terancam, emosinya terganggu dan adalah sukar untuk membina generasi yang cemerlang dan keluarga yang bahagia.

7. Pembentukan Institusi Keluarga Bahagia dan mantap memerlukan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan pembangunan keluarga dan keibubapaan. Dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melancarkan program "Rumahku Syurgaku" beberapa tahun yang lalu. Program ini merupakan satu matlamat jangka panjang dalam usaha meningkatkan kualiti institusi keluarga dengan memberi penekanan kepada pembangunan keluarga secara menyeluruh iaitu meliputi aspek-aspek pembangunan fizikal, mental, psikologikal dan spiritual. Saya berharap program ini dapat dipertingkatkan supaya mesej-mesej utama disampaikan kepada setiap keluarga dan individu.

8. Salah satu lagi langkah yang telah dilaksanakan oleh JAKIM dan Jabatan-jabatan Agama Islam negeri-negeri ialah mengenakan pra-syarat kepada pasangan yang ingin berkahwin, perlu mengikuti kursus pra-perkahwinan yang menggunakan modul bersepadu kursus pra-perkahwinan Islam yang telah dimulakan sejak tahun 1997. Semua usaha murni ini bertujuan untuk memartabatkan institusi keluarga sebagai pusat kecemerlangan kemanusiaan yang utama dan perlu mendapat sokongan semua pihak.

9. Pembentukan keluarga bahagia memerlukan setiap ahlinya saling harga menghargai dan bekerjasama, sentiasa komited untuk mewujudkan kebahagiaan dan kebajikan ahli keluarga dengan mengamalkan budaya pengasih dan penyayang, bersedia mendengar masalah dan luahan perasaan anak-anak dan pasangan masing-masing.

Suami-suami Perlu menghormati isteri, jangan menganiayakan anak dan isteri dan jangan menyakitkan isteri serta lepas tangan dan tidak bertanggungjawab dalam urusan kekeluargaan. Sebagai teras kepada keutuhan dan kebahagiaan keluarga, pegangan agama dan mengamalkan nilai-nilai murni adalah sangat penting.

Orang dewasa perlu menjadi contoh kepada anak-anak dan generasi muda. Wanita sebagai pengurus institusi keluarga, perlu mempunyai daya tahan fizikal dan mental yang kuat, di samping berbagai kemahiran hidup yang lain untuk merealisasikan Wawasan keluarga.

10. Nabi Muhammad s.a.w. ada menegaskan berkaitan dengan kehebatan dan keistimewaan wanita atau ibu iaitu : "Syurga terletak di bawah tapak kaki ibu". Ini bererti, ibu-ibu di dalam sesebuah institusi keluarga mempunyai peranan sangat penting dalam menentukan kesejahteraan dan keselamatan ahli keluarganya.

Kejayaan para suami dan kecemerlangan anak-anak banyak didorong oleh ibu-ibu atau para isteri.

11. Ramai orang menuduh wanita sebagai punca gejala sosial dan keruntuhan moral. Saya kurang bersetuju dengan pandangan ini kerana jika kita melihat kepada kes rasuah di kalangan wanita hanyalah lebih kurang 2.2 peratus daripada jumlah 1,264 orang yang ditangkap dalam tempoh tahun 1994 hingga 1997 atau hanya 28 orang sahaja adalah wanita.

12. Walaupun angka ini tidak serius, salahlaku tersebut perlu dibenteras segera habis-habisan dan wanita perlu bebaskan diri daripada perbuatan-perbuatan dan amalan rasuah. Secara jujur saya sebutkan di sini, bahawa saya sangat berharap kepada semua pertubuhan wanita supaya memainkan peranan yang aktif mengadakan program untuk membantu kerajaan membenteras perbuatan rasuah dan menangani gejala sosial ini yang sangat buruk akibatnya kepada individu, keluarga, bangsa dan negara.

13. Saya sedar untuk mengatasi perbuatan rasuah dan menangani gejala sosial bukanlah mudah, namun kita tidak boleh berputus asa dan mengaku kalah. Dengan bergabung tenaga, wanita seluruh negara boleh mengubah corak 4 juta keluarga ke jalan yang lurus, benar dan bebas daripada amalan-amalan yang tidak sihat. Penerapan nilai-nilai murni dan budaya ikram perlu dimulakan di dalam keluarga, kemudian diteruskan di institusi pendidikan, dan seterusnya di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Swasta, pertubuhan-pertubuhan dan organisasi, semuanya selangkah seiring jalan, bersatu tenaga dan berusaha tanpa jemu. Insya-Allah dengan cara ini, kita akan dapat menangani gejala sosial dan perbuatan rasuah serta lain-lain penyelewengan, demi keselamatan dan kesejahteraan bangsa dan negara kita.

14. Saya berkeyakinan penuh, jika kita berusaha lebih gigih, apa juga masalah akan dapat kita atasi. Kita tidak sepatutnya menyalahkan orang lain apabila berlaku sesuatu perkara buruk.

15. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada pihak penganjur kerana memberi peluang kepada saya menyampaikan ucapan perasmian forum Pembentukan Institusi Keluarga Bahagia Menjelang Alaf Baru pada pagi ini. Saya berdoa semoga pendapat forum ini akan mendatangkan faedah, dan memberi kesedaran kepada kita semua untuk menjalankan amalan dan teladan yang lebih baik untuk diri dan keluarga kita.

16. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan forum anjuran bersama Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).